

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)

PENDIDIKAN MORAL

TAHUN 4
SEKOLAH KEBANGSAAN

PENULIS

Kugan a/l Ravendran
Sing Bee Khim
Wang Lock Hui

EDITOR

Mohd Hadi bin Roslan

PEREKA BENTUK

Ermasari binti Surani

ILUSTRATOR

Tiew Lai Boon



DBP
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

No. Siri Buku: 0006

KK 370-221-0102011-49-2476-20101

ISBN 978-983-49-2476-8

Cetakan Pertama 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)

No. Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:

Darul Tenggara (M) Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim

Saiz Muka Taip Teks: 14 poin

Dicetak oleh:

Darul Tenggara (M) Sdn. Bhd.,

No. 105, Jalan Taming 7,

Taman Taming Jaya,

43300 Seri Kembangan,

Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radio Televisyen Malaysia.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sabah.
- Persatuan Buddhist Malaysia.
- Mah Meri Cultural Village.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN		V
	<ul style="list-style-type: none"> • Hayati Amalan Agama dan Kepercayaan Jiran • Kenali Amalan Agama Jiran • Lebih Kenal Lebih Mesra • Eratkan Perpaduan sesama Jiran • Pokok Krismas Hiasan Perayaan • Mari Uji Diri 	<p>2 4 5 6 7 8</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Sikap Prihatin Amalan Mulia • Bantu-membantu Menjamin Kesejahteraan • Kesusahan Jiran Prihatin Bersama • Keperluan Diberikan Kebajikan Dijaga • Mari Membina Rumah • Jiran Selesa Hati Riang • Mari Uji Diri 	<p>10 12 14 15 16 17 18</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Tanggungjawab Hidup Berjiran • Tanggungjawab Dipikul Kepercayaan Diperkukuh • Laksanakan Tanggungjawab Berjiran • Bertanggungjawab demi Kebaikan Kejiranan • Brosur Hapuskan Nyamuk Aedes • Saya Bertanggungjawab Jiran Mengikut Jejak • Mari Uji Diri 	<p>20 21 22 23 24 25 26</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Harga Jiran Hubungan Erat • Jiran Berbakti, Kita Raikan • Terima Kasih, Jiranku • Hamper untuk Jiran • Terima Kasih Amalan Kita • Mari Uji Diri 	<p>28 30 32 34 35 36</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Sopan Santun dengan Jiran • Beradab Sopan Jiran Mesra • Berhemah dalam Majlis Jiran • Permainan Anugerah Berhemah • Mari Uji Diri 	<p>38 40 42 43 44</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Semaikan Amalan Menghormati Jiran • Suri Teladan Kejiranan • Hormati Jiran Amalan Mulia • Hormati Jiran Hidup Sejahtera • Hormati Jiran Setiap Masa • Bangga Menghormati Jiran • Mari Uji Diri 	<p>46 48 49 50 51 52 54</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Sayangi Jiran • Kasihi Jiran Kita • Sifat Penyayang Pendorong Kejayaan • Sayangi Jiran, Erat Hubungan • Mari Uji Diri 	<p>56 58 60 61 62</p>

KEADILAN
UNT 8

• Bersikap Adil sesama Jiran	64
• Sikap Adil Kehidupan Aman	66
• Adil demi Keamanan	67
• Bersikap Adil Kemesraan Terjalin	68
• Berlian Jiranku	69
• Jiran yang Adil	70
• Mari Uji Diri	72

KEBERANIAN
UNT 9

• Bertindak Berani demi Kesejahteraan Kejiranan	74
• Saya Menegur, Jiran Terima	76
• Cabaran Diharungi, Masalah Diatasi	77
• Saya Berani, Kejiranan Sejahtera	78
• Harmoninya Kejirananku	79
• Berani kerana Benar	80
• Mari Uji Diri	82

KEJUJURAN
UNT 10

• Kejujuran Amalan Hidup Bersama-sama Jiran	84
• Kejujuran Mengeratkan Hubungan Kejiranan	86
• Kejujuran terhadap Jiran	88
• Kisah Anak Jiranku	89
• Kuiz Roda Kejujuran	90
• Penanda Buku Kejujuran	91
• Mari Uji Diri	92

KERAJINAN
UNT 11

• Usaha Berterusan Membawa Kesejahteraan	94
• Kerajinan Asas Kesejahteraan	96
• Tekun Berusaha Membuahkan Hasil	97
• Usaha Berterusan Semangat Membara	98
• Amalan Rajin Harmoni Terjalin	99
• Mari Uji Diri	100

KERJASAMA
UNT 12

• Muafakat Membawa Berkat	102
• Bekerjasama demi Kebaikan Semua	104
• Membudayakan Amalan Kerjasama	106
• Raikan Pesta Bersama-sama Jiran	107
• Nikmati Hasil Bekerjasama	108
• Roda Raksasa	109
• Mari Uji Diri	110

KESEDERHANAAN
UNT 13

• Kesederhanaan Menjalin Kemesraan sesama Jiran	112
• Kesederhanaan Mengeratkan Hubungan sesama Jiran	114
• Hidup Sederhana Bersama-sama Jiran	116
• Kesederhanaan terhadap Jiran	117
• Dompot Kecil untuk Jiranku	118
• Kesederhanaan dalam Berpakaian	119
• Mari Uji Diri	120

TOLERANSI
UNT 14

• Bertolak Ansur Amalan Terpuji	122
• Senang Hati Bertoleransi	124
• Kempen Toleransi	125
• Toleransi Menjamin Kesejahteraan Kejiranan	126
• Toleransi Penyelesaian Sengketa Jiran	127
• Kesabaran Kunci Kebahagiaan	128
• Toleransi Membentuk Kesejahteraan Kejiranan	129
• Mari Uji Diri	130

PENDAHULUAN

Matlamat mata pelajaran *Pendidikan Moral* adalah untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang pada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global. Bagi melahirkan insan berakhlak mulia, pengajaran dan pembelajaran berfokus kepada tiga domain moral, iaitu penaaakuan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Seajar dengan itu, buku teks ini dihasilkan bagi memenuhi matlamat tersebut.

Buku teks ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR (Semakan 2017) *Pendidikan Moral Tahun 4* yang diterbitkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Buku Teks *Pendidikan Moral Tahun 4* ini bertemakan "Saya dan Jiran" dan merangkumi 14 nilai yang perlu diamalkan oleh murid terhadap jiran di sekeliling mereka.

Kandungan buku teks ini memberikan penekanan kepada kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid bagi menghadapi cabaran dalam abad ke-21. Kemahiran tersebut ialah elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Pembelajaran Abad Ke-21. Kemahiran ini diterapkan untuk merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Hal ini dilaksanakan bagi mencapai hasrat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), iaitu membangunkan insan yang seimbang dan sejahtera.

Selain itu, elemen kreativiti dan inovasi, keusahawanan, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), patriotisme, kelestarian alam sekitar dan kelestarian global diterapkan dalam aktiviti bagi mengukuhkan kemahiran dan keterampilan murid. Aktiviti dan soalan yang dikemukakan dapat membantu murid menyelesaikan isu-isu moral berlandaskan pertimbangan moral yang sesuai, tepat serta konsisten.

Penulis berharap semoga buku teks ini dimanfaatkan untuk mengembangkan pemikiran dan perasaan moral agar murid dapat mengamalkan tingkah laku yang bermoral berasaskan nilai universal. Selain itu, penerbitan buku ini dapat merealisasikan kemenjadian murid bagi membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Kugan a/l Ravendran
Sing Bee Khim
Wang Lock Hui

PANDUAN IKON

Bagi membantu murid mengikuti perkembangan pembelajaran secara berperingkat, setiap unit disusun mengikut komponen seperti yang berikut:



Komponen ini bertujuan untuk merangsang pemikiran murid tentang sesuatu nilai yang akan dipelajari.



Komponen ini menerangkan konsep nilai dalam DSKP yang menjadi fokus sesuatu unit. Komponen ini bertujuan untuk membantu murid memahami nilai secara berkesan melalui aktiviti yang dirancang.



Komponen ini bertujuan untuk memberikan penegasan terhadap pemahaman dan pemikiran murid tentang nilai yang dipelajari melalui pelbagai aktiviti yang dirancang.



Komponen ini menyediakan aktiviti yang mencabar pemikiran murid agar potensi murid dapat dikembangkan ke tahap optimum untuk membantu mereka berperasaan dan bertindak mengikut nilai moral.



Komponen ini membantu murid meningkatkan pemahaman mereka bagi menguasai dan mengaplikasikan nilai yang telah dipelajari melalui aktiviti yang lebih mudah dan berkesan.



Komponen ini menyediakan pelbagai aktiviti penilaian bagi mengukur tahap penguasaan murid dalam sesuatu nilai.



Soalan beraras tinggi yang dapat menguji keupayaan murid berfikir hingga aras yang lebih tinggi untuk menyelesaikan masalah.



Maklumat tambahan yang boleh diakses melalui alat peranti.



Bahagian ini memberikan panduan kepada guru untuk membimbing murid mencapai Standard Pembelajaran yang ditetapkan dalam DSKP.

NOTA GURU

Bahagian ini bertujuan untuk menerangkan cadangan pembelajaran dan pengajaran serta idea tambahan bagi membantu guru.



Bahagian ini bertujuan untuk menjelaskan maksud sesuatu perkataan dan memberikan maklumat tambahan.

BUKA MINDA

UNIT 1





HAYATI AMALAN AGAMA DAN KEPERCAYAAN JIRAN



Baca dan fahami.

Saya dan jiran mengamalkan ajaran agama atau kepercayaan masing-masing. Semua agama atau kepercayaan menyuruh penganutnya melakukan perkara yang baik, benar dan patut. Oleh itu, semangat kejiranan dapat dipupuk untuk mengukuhkan perpaduan dan menjamin kehidupan yang harmoni.



Menjaga kebersihan di kawasan kejiranan merupakan amalan ajaran agama atau kepercayaan. Amalan ini dapat mengekalkan persekitaran yang bersih dan menjamin kesihatan jiran.

Setiap agama atau kepercayaan menyeru penganutnya menyebarkan berita yang benar sahaja. Saya sentiasa berbaik sangka terhadap jiran agar hubungan menjadi erat.





4

Perbuatan mencuri dilarang dalam setiap agama atau kepercayaan. Kawasan kejiranan saya sentiasa tenteram kerana tiada kes kecurian.

5

Kita patut menghormati perbezaan amalan agama atau kepercayaan jiran. Amalan ini dapat memupuk persefahaman dan menjamin keamanan dalam kehidupan berjiran.



6

Sikap sopan santun dan ramah mesra sesama jiran sangat ditekankan dalam ajaran agama atau kepercayaan. Amalan ini mewujudkan hubungan yang baik dalam kalangan jiran.

- ◆ Nyatakan amalan agama atau kepercayaan yang dapat mengeratkan hubungan kejiranan selain amalan di atas.
- ◆ Kepercayaan kepada Tuhan ialah prinsip Rukun Negara yang pertama. Bagaimanakah prinsip ini dapat mengeratkan hubungan sesama jiran? 🧠

NOTA GURU

- Minta murid melakonkan amalan ajaran agama atau kepercayaan yang dapat mengeratkan hubungan sesama jiran.





KENALI AMALAN AGAMA JIRAN

Baca dan hayati perbualan.

Bavin, Amsyar dan Yu Zhe berjiran. Amsyar dan Yu Zhe pergi ke rumah Bavin untuk belajar bersama-sama. Mereka terdengar nyanyian "Thevaram".

1 Mak cik, apakah yang sedang dilakukan oleh Bavin?

2 Bavin sedang sembahyang. Dia menyanyikan lagu puji-pujian kepada Tuhan, iaitu "Thevaram" yang merupakan salah satu amalan agama Hindu.

3 Oh, begitu! Agama Islam juga ada seruan azan untuk menandakan masuknya waktu solat.

4 Bagi yang beragama Buddha, kami bermantera untuk menyucikan jiwa.

6 Bagusnya kamu berdua, sikap menghormati amalan agama jiran dapat menjadikan hubungan antara jiran bertambah erat.

5 Mak cik, kami akan duduk dengan senyapnya sebagai tanda hormat sementara menunggu Bavin.




- ◆ Amalan ajaran agama atau kepercayaan dapat mewujudkan suasana yang harmoni dalam kalangan jiran. Bincangkan.
- ◆ Apakah perasaan kamu apabila mengamalkan ajaran agama atau kepercayaan bagi mengeratkan hubungan sesama jiran?

FAKTA

Solat ialah sembahyang (dalam agama Islam).
(Sumber: Kamus Dewan Edisi ke-4)

NOTA GURU

- Bimbing murid main peranan situasi di atas.
- Minta murid mencari maklumat daripada pelbagai sumber tentang amalan ajaran agama atau kepercayaan jiran dan bentangkan hasil dapatan.



LEBIH KENAL LEBIH MESRA



UNIT

1



A. Jalankan kaji selidik terhadap jiran.

Borang Soal Selidik

Nama jiran: _____ Agama/Kepercayaan: _____

Bil.	Pernyataan	Ya	Tidak
1	Saya berziarah ke rumah jiran yang berlainan agama atau kepercayaan.		
2	Saya turut serta dalam persediaan sambutan perayaan di rumah jiran.		
3	Saya sentiasa mengikuti ajaran agama atau kepercayaan saya dengan membantu jiran yang memerlukan.		
4	Saya menghadiri majlis rumah terbuka jiran yang berlainan agama atau kepercayaan.		
5	Saya memandang rendah terhadap ajaran agama atau kepercayaan jiran.		
6	Saya senyap semasa jiran menjalankan upacara keagamaan atau kepercayaan mereka.		
7	Saya menghormati amalan agama atau kepercayaan jiran untuk mengelakkan prasangka.		
8	Saya bangga kerana dapat menghormati amalan agama atau kepercayaan jiran.		



B. Tulis rumusan berdasarkan dapatan soal selidik.

NOTA GURU

- Perbanyak halaman ini untuk aktiviti murid.
- Minta murid menjalankan kaji selidik dengan ditemani oleh ibu bapa/penjaga.
- Bimbing murid menghasilkan rumusan hasil kaji selidik yang dilakukan.

1.2
1.3
1.4
1.5



ERATKAN PERPADUAN SESAMA JIRAN



Teliti gambar dan tulis tindakan yang sesuai.

Kejiranan kamu terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Pada setiap tahun, pelbagai perayaan diraikan di kawasan kejiranan. Sebagai jiran, kamu akan turut serta dalam persiapan sambutan perayaan itu.

1 TAHUN BAHARU CINA



Tindakan kamu:

Tindakan kamu:

2 DEEPAVALI



Tindakan kamu:

3 HARI RAYA AIDILFITRI




Tindakan kamu:

- ◆ Aktiviti di atas dapat mengeratkan hubungan sesama jiran. Terangkan.
- ◆ Apakah perasaan kamu apabila menghormati amalan perayaan agama jiran?

NOTA GURU

- Bimbing murid menceritakan pengalaman mereka terlibat dalam aktiviti kejiranan semasa menyambut sesuatu perayaan.



POKOK KRISMAS HIASAN PERAYAAN

JANA MINDA



 **Mari menghias pokok Krismas.**

Sediakan bahan dan peralatan:

- gunting
- pen
- benang kait
- kad pelbagai bentuk
- pokok Krismas
- penebuk lubang
- hiasan pokok Krismas



1 Tulis contoh amalan agama, kepentingan dan perasaan menghormati amalan agama.



2 Tebuk lubang dan ikat benang pada kad.



3 Gantung kad pada pokok Krismas.

Pokok Krismas yang siap dihias.



◆ Aktiviti menghias pokok Krismas ini dapat mengeratkan hubungan sesama jiran jika dilakukan di kawasan kejiranan. Bincangkan.

NOTA GURU

- Berikan contoh amalan agama jiran agar murid dapat menghuraikan kepentingan dan perasaan menghormati amalan ajaran agama jiran.
- Pamerkan hasil kerja murid di sudut Pendidikan Moral.
- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.


1.1
1.3
1.4



MARI UJI DIRI



Nyatakan tindakan yang sesuai.



Aroon memainkan lagu dengan kuatnya semasa jiran sedang menunaikan solat zuhur.

Wajarkah tindakan Aroon? Jelaskan.



Asap kemenyan dari rumah jiran memasuki kawasan rumah kamu.

Apakah tindakan yang patut kamu lakukan?



Sanjeevan dan adiknya bermain bola ketika jiran mengadakan upacara penghormatan datuk yang meninggal dunia.

Wajarkah tindakan Sanjeevan? Jelaskan.




Kamu tidak menghidangkan daging lembu kepada jiran beragama Hindu yang berziarah ke rumah.

Wajarkah tindakan kamu? Jelaskan.

BUKA MINDA

UNIT 2





SIKAP PRIHATIN AMALAN MULIA



Baca dan hayati cerita.



- 1 Juhar dan Mukesh hidup berjiran. Ayah Mukesh lumpuh akibat kemalangan. Sejak itu, keluarganya hilang punca pendapatan. Sebagai jiran, Juhar berasa sedih dengan keadaan keluarga Mukesh.



- 2 Juhar berbincang dengan ibu dan ayahnya. Dia menggunakan duit hasil tabungannya untuk membeli barang keperluan harian. Mereka memberikan barang tersebut kepada keluarga Mukesh. Juhar berasa gembira kerana dapat membantu jiran.



- 3 Juhar, ayah dan jirannya berbincang bagi mendapatkan pekerjaan yang sesuai untuk ibu Mukesh.

- 4 Mereka berjaya mendapatkan pekerjaan untuk ibu Mukesh. Ibu Mukesh mula bekerja sebagai pembantu restoran berhampiran kawasan kejiranan mereka.



- 5 Akhirnya, kehidupan keluarga Mukesh bertambah baik. Mereka berterima kasih kepada Juhar dan jiran yang membantu. Hubungan mereka sebagai jiran bertambah erat.

- ◆ Wajarkah kamu menjaga keperluan dan kebajikan jiran? Jelaskan.
- ◆ Ramalkan kesan jika kamu tidak bersikap prihatin terhadap jiran. 🧠

NOTA GURU

- Minta murid mengumpulkan berita tentang contoh sikap prihatin terhadap keperluan dan kebajikan jiran daripada keratan akhbar atau majalah.
- Bincangkan berita tersebut dengan rakan sekelas yang lain.






BANTU-MEMBANTU MENJAMIN KESEJAHTERAAN



Fahami situasi dalam gambar berikut.



Bagaimanakah kamu bersikap prihatin terhadap keperluan dan kebajikan jiran?




1. Rumah jiran rosak akibat ribut dan hujan lebat

- ✓ membantu jiran mengalih perkakas rumah
- ✓ memberikan kata-kata semangat kepada jiran
- ✓ meminta bantuan jiran untuk membaiki rumah
- ✓ menyediakan makanan untuk jiran

2. Anak jiran terjatuh dari basikal dan kakinya luka

- ✓ memapah anak jiran ke tepi jalan
- ✓ memberitahu ibu bapanya
- ✓ membantu merawat luka anak jiran
- ✓ memujuk anak jiran yang menangis





3. Lif tidak berfungsi kerana tenaga elektrik terputus

- ✓ menenangkan jiran yang berasa risau
- ✓ membelikan barang keperluan untuk jiran
- ✓ memimpin orang tua naik dan turun tangga
- ✓ menolong jiran membawa barang ke rumah

4. Majlis perkahwinan di rumah jiran


- ✓ membantu jiran menghias pelamin
- ✓ menolong jiran membuat cenderamata
- ✓ membantu jiran membuat bunga telur
- ✓ membantu jiran mengemas ruang tamu



- ◆ Mengapakah kamu patut bersikap prihatin dalam situasi di atas?
- ◆ Pernahkah kamu membantu jiran memenuhi keperluan dan kebajikan mereka? Ceritakan.

NOTA GURU

- Bimbing murid main peranan situasi di atas.
- Minta murid menyatakan perasaan mereka apabila bersikap prihatin dalam situasi yang dinyatakan.



2.1
2.2
2.3
2.4
2.5



KESUSAHAN JIRAN PRIHATIN BERSAMA

Hayati situasi dan lakukan aktiviti.

Devi dan Mak Cik Salmah hidup berjiran. Warung Mak Cik Salmah terbakar. Bagaimanakah Devi dan jirannya dapat bersikap prihatin terhadap keperluan dan kebajikan Mak Cik Salmah?



PANDUAN AKTIVITI

Team Word-Web

1. Tulis topik "Cara bersikap prihatin terhadap masalah jiran" di tengah-tengah kertas sebak.
2. Gunakan pen warna yang berbeza bagi menulis idea.
3. Bentangkan jawapan.

◆ Nyatakan kepentingan sikap saling membantu dalam kalangan jiran.



ORANG KURANG
UPAYA (OKU)

- NOTA GURU**
- Bimbing murid melakukan aktiviti PAK-21 (*Team Word-Web*).
 - Tambah situasi lain mengikut keperluan.
 - Galakkan murid melakukan tinjauan tentang keperluan dan kebajikan jiran serta mengamalkan sikap prihatin mereka.



KEPERLUAN DIBERIKAN KEBAJIKAN DIJAGA



UNIT
2

 **Teliti iklan dan bentangkan jawapan.**

Kejiranan kamu dilanda banjir. Sebahagian besar rumah jiran kamu ditenggelami air.

Mari menjadi sukarelawan dalam "Program Jiran Prihatin". Kita dapat membantu memenuhi keperluan dan kebajikan jiran.

**PROGRAM
JIRAN PRIHATIN**
SUMBANGAN KEPADA
KANAK-KANAK MANGSA BANJIR

TUALA MANDI LEMPIN BAYI BISKUT
AIR MINUMAN SUSU BAYI

**BARANGAN BOLEH DIHANTAR
KE RUMAH ENCIK KHAIRUL**

SUKARELAWAN DIPERLUKAN UNTUK
MENGAGIHKAN BARANGAN
Sila hubungi: **019-87654321**

Aktiviti
untuk membantu
mangsa banjir

- ◆ Senaraikan sumbangan yang boleh diberikan kepada mangsa banjir.
- ◆ Apakah perasaan kamu setelah membantu mangsa banjir?

NOTA GURU

- Minta murid membentangkan hasil dapatan dengan menggunakan pelbagai media elektronik.
- Galakkan murid melibatkan diri dalam program sebegini untuk menunjukkan sikap prihatin mereka terhadap jiran.

2.2
2.4
2.5



MARI MEMBINA RUMAH

 Mari hasilkan diorama rumah di kejiranan kamu.

Ukur dan garis



Potong



Cantum



Rumah yang telah siap



Sediakan bahan dan peralatan:

- kad kraf
- gunting
- hiasan
- pensel
- pembaris
- pita pelekat
- pen penanda



Diorama yang siap disusun dan dihias mengikut kreativiti.

- ◆ Tulis nama jiran kamu pada diorama.
- ◆ Bagaimanakah kamu membantu jiran yang ditimpa bencana?

FAKTA

Diorama ialah sejenis binaan tiga dimensi yang mengandungi pelbagai objek untuk menggambarkan situasi sebenar.

(Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu)



UKURAN
DIORAMA RUMAH

NOTA GURU

- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menghasilkan diorama.
- Minta murid menghasilkan diorama dalam kumpulan mengikut kreativiti.
- Minta murid menyatakan perasaan mereka setelah bersikap prihatin terhadap keperluan dan kebajikan jiran.



JIRAN SELESA HATI RIANG

JANA MINDA



UNIT
2

 **Lengkapkan peta minda.**

Keluarga Puan Kuntum baru berpindah ke kawasan kejiranan kamu.



- ◆ Pada pendapat kamu, wajarkah kamu membantu jiran yang berada dalam kesusahan? Jelaskan.

NOTA GURU

- Bimbing murid menghasilkan peta minda mengikut kreativiti masing-masing.
- Minta murid menceritakan pengalaman mereka menolong jiran yang baru berpindah ke kawasan kejiranan mereka.

2.1
2.2
2.3
2.4
2.5



MARI UJI DIRI

 Nyatakan tindakan yang prihatin.



1

Jiran kamu, Encik Liow sedang menerima rawatan di hospital. Anaknyanya tiada pengangkutan ke sekolah. Apakah tindakan kamu?


Mengapa?



2

Anak jiran terjatuh dari buaian dan menangis. Kamu ternampak kejadian itu. Apakah tindakan kamu?

Mengapa?



3

Anak jiran meminta pertolongan untuk mengambil bulu tangkis yang tersangkut di atas pokok. Apakah tindakan kamu?

Mengapa?



3B-18

Ai Lin, bolehkah kamu menjaga ikan peliharaan saya?

Boleh, saya akan menjaga ikan ini dengan baikny.





TANGGUNGJAWAB HIDUP BERJIRAN

Deklamasi dan hayati sajak.

Jiran

Umpama ahli keluarga
Tidak mengira bangsa atau agama
Tanggungjawab berjiran sentiasa dilaksana
Ketika ketiadaanmu, rumahmu kujaga juga
Harta benda selamat hidup tenteram

Jiran

Umpama adik-beradik
Hubungan akrab berpisah tiada
Cubit paha kiri paha kanan terasa juga
Saat kecemasan segera membantu
Masalah ditangani bersama-sama

Jiran


Umpama sahabat
Biar tua mahupun muda
Suka dan duka ditanggung bersama
Bencana melanda tangan dihulur
Dugaan diatasi kebahagiaan menanti

Jiran

Umpama saudara-mara
Tidak mengira di mana berada
Aktiviti kejiranan dilaksana sempurna
Hidup berjiran erat perpaduan

Nukilan: Sing Bee Khim



- ◆ Berdasarkan sajak, bincangkan cara kamu menjalankan tanggungjawab sebagai jiran.
- ◆ Ramalkan kesan sekiranya kamu mengabaikan tanggungjawab terhadap jiran. 



SAJAK

- Minta murid menceritakan pengalaman bertanggungjawab terhadap jiran.
- Bimbing murid menyatakan aktiviti kejiranan yang boleh disertai oleh jiran.
- Minta murid menjelaskan sebab jiran patut menyertai aktiviti kejiranan.




TANGGUNGJAWAB DIPIKUL KEPERCAYAAN DIPERKUKUH



UNIT
3

 Fahami peta minda.



- ◆ Terangkan cara bertanggungjawab terhadap jiran berdasarkan situasi yang pernah kamu alami.
- ◆ Patutkah sikap bertanggungjawab terhadap jiran diamalkan dalam kehidupan harian? Bincangkan. 


NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peranan dan tanggungjawab mereka terhadap jiran.
- Beri peringatan kepada murid supaya mengambil kira aspek keselamatan semasa melaksanakan tanggungjawab terhadap jiran.


3.1
3.2
3.3
3.4
3.5

LAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB BERJIRAN


Fahami situasi dan cipta dialog.




Kamu mengajak jiran mengedarkan limau yang diberikan oleh Puan Loh kepada tetamu.



Kamu menghalang dan menasihati anak jiran yang bermain api.




Kamu mengajak kakak menyapu daun yang gugur di hadapan rumah jiran bersama-sama.



- ◆ Pada pendapat kamu, mengapakah kamu patut melaksanakan tanggungjawab terhadap jiran?
- ◆ Ceritakan perasaan kamu apabila mengamalkan sikap bertanggungjawab terhadap jiran.

NOTA GURU

- Minta murid melakonkan situasi berdasarkan dialog yang dicipta.
- Galakkan murid bertanggungjawab terhadap jiran demi kesejahteraan hidup.



BERTANGGUNGJAWAB DEMI KEBAIKAN KEJIRANAN



UNIT
3

Baca dan fahami perbualan.

Reeve dan jirannya mendengar perbualan nyamuk Aedes dengan menggunakan topi keledar ajaib.




1
Kawan-kawan, inilah sasaran kita. Penghuni rumah ini tidak menjaga kebersihan persekitaran. Rumah ini sesuai dijadikan tempat pembiakan. Mari kita serang!

2
Rumah Yi Tong menjadi sasaran pembiakan nyamuk Aedes. Kita dan jiran akan menjadi mangsa nyamuk Aedes.

3
Hal ini berbahaya untuk kejiranan kita. Kita patut mencegahnya.

4
Betul! Sebagai jiran, kita tidak boleh mengabaikan tanggungjawab ini.

- ◆ Jika kamu merupakan watak-watak di atas, bincangkan penyelesaian dan kepentingan bagi mencegah pembiakan nyamuk Aedes dengan menggunakan aktiviti *Round Table*. 

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan aktiviti PAK-21 (*Round Table*).
- Minta murid berbincang tentang wabak lain yang boleh berlaku jika tanggungjawab hidup berjiran diabaikan.

3.1
3.2
3.3



BROSUR HAPUSKAN NYAMUK AEDES

Mari hasilkan brosur.

Kesedaran tentang bahaya nyamuk Aedes masih kurang dalam kalangan jiran. Hasilkan brosur tanggungjawab untuk membasmi nyamuk Aedes.

Sediakan bahan dan peralatan:

- pensel
- kertas putih
- pen warna



1

Lipat kertas kepada dua bahagian.



2

Tulis tajuk dan hias.



3

Tulis gejala demam denggi dan langkah pencegahan pembiakan nyamuk Aedes.



4

Tulis slogan dan hias.

- ◆ Apakah kebaikan menghasilkan brosur ini kepada jiran?
- ◆ Jelaskan maksud "Hapuskan Nyamuk Aedes Tanggungjawab Kejiranan".

FAKTA

Gejala - (ubat) perubahan dalam fungsi badan seseorang yang menunjukkan tanda-tanda adanya sesuatu penyakit yang berkaitan.


(Sumber: Kamus Dewan Edisi ke-4)



Brosur yang telah siap.

NOTA GURU

- Minta murid menyediakan gambar yang sesuai sebagai hiasan.
- Galakkan murid perbanyak brosur untuk diedarkan kepada jiran.
- Minta murid berbincang tentang tindakan yang perlu diambil sekiranya suatu penyakit merebak di sekitar kejiranan. Contohnya, penyakit kencing tikus.




SAYA BERTANGGUNGJAWAB JIRAN MENGIKUT JEJAK



Mari hasilkan mobail.

Sediakan bahan dan peralatan:

- polistirena
- benang kait
- penyepit makanan
- kad pelbagai bentuk dan warna
- pen
- gunting
- manik dan jarum



1

Bina penyangkut
mobail.


2

Tulis cara, kepentingan
dan perasaan
bertanggungjawab
terhadap jiran.



3

Ikat kad pada
benang.



Mobail yang
telah siap.



◆ Dalam kalangan jiran, terdapat segelintir jiran yang tidak mengamalkan tanggungjawab sebagai jiran.

- Ceritakan pengalaman kamu.
- Apakah tindakan kamu?

NOTA GURU

- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.
- Gantung mobail yang telah siap dihasilkan di dalam bilik darjah.

3.2
3.3
3.4
3.5



MARI UJI DIRI

 **Teliti gambar dan jawab soalan.**

A. Kamu ternampak lelaki yang tidak dikenali sedang membuka pintu belakang rumah jiran semasa ketiadaannya.

1. Nyatakan dua tanggungjawab yang patut kamu lakukan sebagai jiran.

- i. _____
- ii. _____

2. Apakah perasaan kamu setelah melaksanakan tanggungjawab tersebut?



B. Longkang di rumah kamu dan jiran dipenuhi sampah sarap. Kamu dan jiran bercadang untuk membersihkannya.


1. Nyatakan dua tanggungjawab yang patut kamu laksanakan.

- i. _____
- ii. _____

2. Huraikan kepentingan melaksanakan tanggungjawab tersebut.

BUKA MINDA

UNIT 4






HARGAI JIRAN HUBUNGAN ERAT


 **Teliti situasi gambar.**




Abang Kamarul, saya menang dalam pertandingan reka cipta. Terima kasih kerana memberikan barangan terpakai kepada saya. Saya bangga mempunyai jiran seperti abang.

Sama-sama, Vincent.





Selamat petang, Gurbachan. Saya tiada di rumah semasa kamu datang tadi. Terima kasih kerana memberi saya anak pokok jambu. Kalau sudah berbuah bolehlah kita makan bersama-sama jiran yang lain.



Selamat petang, Winson. Sama-sama.




- ◆ Senaraikan cara berterima kasih terhadap jiran.
- ◆ Terangkan kebaikan mengamalkan sikap berterima kasih terhadap jiran.
- ◆ Nyatakan perasaan kamu apabila mengamalkan sikap berterima kasih terhadap jiran.



CONTOH TARIAN
JOH-OH MAH MERTI

NOTA GURU

- Minta murid bercerita tentang pengalaman dan cara mereka berterima kasih terhadap jiran.






JIRAN BERBAKTI, KITA RAIKAN

 Hayati cerita bersiri di bawah.



Ibu
Kanita sakit.


Jiran
membawanya
ke hospital.



Jiran
menderma
darah untuk
ibu Kanita.



- ◆ Nyatakan cara lain yang boleh dilakukan oleh keluarga Kanita untuk mengucapkan terima kasih kepada jiran.
- ◆ Ramalkan akibat sekiranya kamu tidak berterima kasih setelah menerima bantuan daripada jiran. 🍌
- ◆ Karang sebuah cerita moral berdasarkan gambar di atas. 🍌



Jiran
melawat
ibu Kanita.

Jiran
membawanya
pulang ke rumah.



Kanita dan
keluarga
mengadakan
jamuan
untuk jiran.




Beginilah cara saya dan keluarga menghargai kebaikan jiran. Apabila menghargai jiran, hubungan semakin erat, perpaduan semakin kukuh dan mereka berasa dihargai.



NOTA GURU

- Bimbing murid menulis cerita moral berdasarkan gambar.
- Bimbing murid agar sentiasa mengamalkan budaya berterima kasih sesama jiran.




4.1
4.2
4.3
4.5



TERIMA KASIH, JIRANKU

Baca dan hayati komik.





- ◆ Apakah perasaan kamu apabila dapat membalas jasa baik jiran?
- ◆ Pengabaian sikap berterima kasih terhadap jiran menyebabkan kawasan kejiranan tidak harmoni. Bincangkan. 🧠

NOTA GURU

- Minta murid meramalkan cara berterima kasih kepada jiran berdasarkan komik.
- Galakkan murid menyudahkan komik secara berkumpulan mengikut kreativiti.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti PAK-21 (Gallery Walk).





HAMPER UNTUK JIRAN



Hasilkan sebuah hamper buah-buahan.

Sediakan bahan dan peralatan:

- kad
- pembalut
- pen penanda
- buah-buahan
- bakul
- reben
- pita pelekat



① Susun buah di dalam bakul.



② Balut buah-buahan dan ikat reben.



③ Tulis dan tampalkan kad ucapan.


④ Hamper yang telah siap.



- ◆ Senaraikan cara kamu berterima kasih kepada jiran.
- ◆ Apakah perasaan kamu apabila dapat menyampaikan hamper kepada jiran sebagai tanda terima kasih?

NOTA GURU

- Minta murid menghasilkan bahan atau cenderamata lain untuk menghargai jiran mereka.
- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.



TERIMA KASIH AMALAN KITA




UNIT
4

 Fahami situasi dan lengkapkan jawapan.

Semasa di taman permainan, rantai emas saya diragut. Saya menjerit meminta pertolongan. Jiran mengejar dan menangkap peragut itu. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada jiran.



 Cara Berterima kasih

Kepentingan Berterima kasih 

NOTA GURU

- Minta murid menjalankan aktiviti ini dalam kumpulan dan bentangkan.


4.1
4.2



MARI UJI DIRI



Cari perkataan tersembunyi dan isi jawapan.



1. Kita patut _____ pemberian jiran.
2. Kita wajar mengucapkan _____ kepada jiran yang menolong kita semasa dalam kesusahan.
3. Saya memberikan _____ kepada Kumar kerana menjaga rumah semasa kami sekeluarga pergi bercuti.
4. Jiran yang mengabaikan sikap berterima kasih menyebabkan hubungan menjadi _____.
5. Saya berasa _____ apabila berterima kasih kepada jiran.
6. Hubungan akan menjadi _____ apabila kita sentiasa menghargai jasa jiran.
7. _____ antara jiran dapat dipupuk dengan mengamalkan sikap berterima kasih.
8. Kita memberikan hadiah kepada jiran untuk _____ jasa mereka.



Selamat pagi,
Mak Cik Zainab.

Selamat pagi,
Shamini.